

Mengenal Sejarah

Jawab semua soalan.

1. Petikan berikut menunjukkan pendapat seorang sejarawan mengenai pengertian sejarah.

BUKU
TEKS
m.s. 4

Sejarah merujuk peristiwa yang pernah atau sudah berlaku

- (a) Siapakah tokoh yang memberikan pengertian sejarah tersebut?

Mengingat Tajuk 1 Aras S [1 markah]

- (b) Apakah **dua** peristiwa bersejarah yang anda ketahui?

Mengingat Tajuk 1 Aras S [2 markah]

- (c) Pada pendapat anda, mengapakah generasi muda perlu mempelajari sejarah?

Menilai Tajuk 1 Aras T [2 markah]

2. Terdapat beberapa sejarawan telah memberikan pandangan tentang pengertian sejarah.

BUKU
TEKS
m.s.
4 - 5

- (a) Siapakah **dua** tokoh sejarawan yang telah memberikan pandangan mengenai pengertian sejarah?

Mengingat Tajuk 1 Aras S [2 markah]

- (b) Mengapakah kita perlu mengambil iktibar daripada peristiwa sejarah?

Menilai Tajuk 1 Aras T [3 markah]

3. Rajah berikut menunjukkan contoh-contoh sumber primer.



(a) Apakah **dua** ciri sumber primer?

Mengingat Tajuk 1 [2 markah]

(b) Mengapakah sumber sejarah perlu dipelihara untuk generasi akan datang?

Menila Tajuk 1 [3 markah]

4. Kaedah lisan merupakan proses mendapatkan maklumat melalui temu bual.



(a) Apakah ciri-ciri orang sumber yang boleh ditemu bual?

Mengingat Tajuk 1 [2 markah]

(b) Anda dikehendaki untuk menemu bual guru besar sekolah anda bagi mendapatkan maklumat mengenai pengalaman pihak sekolah mengendalikan Covid 19 yang berlaku pada tahun 2020.

Nyatakan langkah-langkah yang perlu anda lakukan untuk mendapatkan maklumat sejarah tersebut.

Mengaplikasi Tajuk 1 [3 markah]

5. Sejarawan menggunakan garis masa atau kronologi untuk mengkaji peristiwa sejarah.

BUKU
TEKS
m.s. 10

(a) Apakah yang dimaksudkan dengan kronologi?

Mengingat Tajuk 1 Aras S [1 markah]

(b) Apakah kepentingan urutan masa dalam mengkaji peristiwa sejarah?

Menilai Tajuk 1 Aras T [2 markah]

(c) Pada pendapat anda, mengapakah sebab dan akibat sesuatu peristiwa sejarah penting untuk dikaji?

Menganalisis Tajuk 1 Aras S [2 markah]

6. Gambar berikut menunjukkan peristiwa bersejarah di negara kita.

BUKU
TEKS
m.s. 12



(a) Apakah akibat daripada peristiwa Pengisytiharan Kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu?

Menganalisis Tajuk 1 Aras S [2 markah]

(b) Mengapakah kita perlu meraikan peristiwa bersejarah?

Menilai Tajuk 1 Aras T [3 markah]